

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN  
[ SEPANGGAR ]

TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

**SOALAN**

DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [ SEPANGGAR ] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina sebuah hospital pakar jantung di Sabah serta anggaran kos yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di Pertua,

1. Perkhidmatan bagi rawatan jantung di Negeri Sabah telah pun sedia ada bermula pada tahun 2009 di Hospital Queen Elizabeth II (HQE II), Kota Kinabalu. **Kini, hospital ini merupakan Pusat Perkhidmatan Jantung bagi Negeri Sabah.**

2. Sehingga kini, perkhidmatan jantung di HQE II disediakan oleh **dua (2) orang Pakar Kardiologi, seorang Pakar Pediatrik Kardiologi, seorang Pakar Bedah Kardiorasik dan dua (2) orang Pakar Kardiak Anestesiologi dan Perfusi.** Hospital ini akan menerima seorang lagi Pakar Bedah Kardiorasik dalam masa terdekat. Selain itu, HQE II juga mempunyai kemudahan seperti **dua (2) dewan bedah khusus untuk pembedahan kardiorasik dan satu (1) Makmal Invasif Kardiologi (Invasive Cardiology Lab - ICL) bagi rawatan invasif tanpa pembedahan kepada pesakit jantung.** Terdapat juga perancangan

untuk **menambah satu (1) lagi Makmal Invasif Kardiologi** di pusat ini bagi menampung beban kerja dan pertambahan pesakit jantung terutama yang memerlukan rawatan invasif.

3. Bagi memastikan akses perkhidmatan ini dapat diberikan kepada seluruh rakyat di negeri Sabah, perkhidmatan ini dijalankan melalui inisiatif kluster di mana, hospital-hospital lain turut menerima akses dan mendapat perkhidmatan lawatan pakar kardiologi secara tetap dan berkala. Tambahan juga, HQE II turut menyediakan perkhidmatan jantung kepada penduduk dari Wilayah Persekutuan Labuan, Miri dan Lawas, Sarawak.

4. Buat masa ini, KKM **tidak mempunyai perancangan untuk membina sebuah hospital pakar jantung di Sabah dalam masa terdekat**. Sekiranya terdapat cadangan membina pusat perkhidmatan jantung yang baharu, anggaran kos pembinaan adalah melibatkan sekurang-kurangnya RM 400 juta iaitu menyamai kos pembinaan Pusat Jantung Sarawak (PJS) yang beroperasi sejak tahun 2011 dengan berkapasiti 128 katil.

Sekian, terima kasih.